



State Mufti's Office
Prime Minister's Office
Brunei Darussalam

Etika Makan Bersama Tetamu

(Bahagian Pertama)

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

Islam telah memberi garis panduan mengenai adab makan, sama ada makan bersendirian mahupun bersama dengan orang lain atau dalam suatu jamaah, umpamanya dalam sesuatu majlis jamuan. Maka hendaklah dijaga adab atau etika semasa makan bersama mereka sebagai tanda menghormati dan memberi keselesaan kepada mereka semua.

Anjuran Makan Beramai-ramai

Menurut ulama, jika ada individu lain yang boleh dipelawa untuk makan bersama, maka adalah lebih utama seseorang itu makan dengan ditemani oleh individu lain dan tidak makan bersendirian.

Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* telah menganjurkan kepada umatnya apabila menikmati makanan biarlah secara beramai-ramai atau dalam satu kumpulan, bukan makan bersendirian atau mengasingkan diri. Perkara ini sangat disukai oleh Baginda kerana terdapat rahsia di sebalik amalan tersebut seperti yang pernah disebutkan dalam beberapa hadits, antaranya ialah:

1. Menurut Wahsyi bin Harb daripada bapanya daripada datuknya, para Sahabat *Radhiallahu 'anhum* pernah mengadu:

:
:
:

()

Maksudnya: “Wahai Rasulullah sesungguhnya kami makan, namun kami tidak merasa kenyang.”

Baginda bersabda: “Mungkinkah kamu (makan) secara berasingan?”

Mereka menjawab: “Ya benar.”

Baginda bersabda: “Oleh kerana itu, berkumpullah kamu ketika menghadapi juadah (makan bersama-sama) dan sebutlah nama Allah ketika permulaaan makan, (mudah-mudahan) Allah akan memberkati kamu pada makanan kamu itu.”

(Hadits riwayat Abu Daud)

2. Saidina ‘Umar bin al-Khaththab *Radhiallahu ‘anhu* berkata bahawa Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

()

Maksudnya: “Makanlah kamu beramai-ramai (secara berkumpul), dan janganlah kamu berkelompok-kelompok. Sesungguhnya keberkatan itu ada ketika bersama jemaah.”

(Hadits riwayat Ibnu Majah)

Etika Makan Bersama Tetamu

Tetamu yang menghadiri sesuatu majlis jamuan bukan hanya dituntut menghormati dan menjaga adabnya terhadap tuan rumah yang menjemputnya, malahan dia juga dituntut menghormati dan menjaga adab sesama tetamu lain yang dijemput hadir dalam majlis tersebut.

Para ulama telah menerangkan beberapa adab yang perlu dijaga antara sesama tetamu ketika menghadiri sesuatu jamuan; berupa perkara yang wajar dilakukan dan dihindari. Antaranya ialah seperti berikut:

- (i) Antara amalan yang dianjurkan ialah mempelawa makan orang yang berhak didahulukan, umpamanya orang yang berumur atau mempunyai keutamaan kerana kelebihan atau kedudukannya. Perkara ini juga merupakan amalan yang biasa, malah dijaga dan dititik-beratkan di kalangan kita.
- (ii) Dianjurkan untuk mendahulukan golongan yang lebih kecil (muda) jika menikmati sesuatu hasil tanaman atau buah dari petikan yang pertama.

Diceritakan bahawa orang ramai di zaman Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* apabila melihat buah yang pertama terhasil dari pohon buah mereka, mereka akan memetikinya dan terus memberikannya kepada Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*. Amalan ini dilakukan untuk mendapatkan doa keberkatan daripada Baginda.

Diriwayatkan oleh Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu* bahawa apabila suatu ketika Baginda diberikan buah hasil dari petikan yang pertama lalu Baginda pun bersabda:

()

Maksudnya: “*Ya Allah! Berkatilah kami pada negeri kami, pada buah-buahan kami, pada mudd (alat timbangan) kami, pada sha‘ (alat sukatan) kami, (limpahkanlah kepada kami) berkat demi berkat (berkat yang berlipat ganda).*”

Kemudian Baginda memberikan buah tadi kepada yang paling kecil (muda) di kalangan kanak-kanak yang hadir.”

(Hadits riwayat Muslim)

Hadits di atas merupakan antara bukti kemuliaan akhlak Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam*, kesempurnaan kasih sayang dan budi pekerti Baginda kepada yang tua mahupun yang muda. Adapun dikhaskan makanan itu kepada anak-anak yang kecil kerana dia lebih menyukainya, benar-benar mengharap dan menjaganya. Begitulah perangai kanak-kanak, kegembiraannya mendapatkan sesuatu makanan itu lebih ketara berbanding mereka yang lebih tua umurnya.

- (iii) Menghindari dari perbualan atau percakapan mengenai perkara yang boleh mendatangkan dosa, sebaliknya sunat bercerita umpamanya mengenai kisah orang-orang salih. Namun adalah lebih utama kurang bercakap jika tiada keperluan.
- (iv) Menghindari dari perbualan mengenai perkara yang menjijikkan.

- (v) Menghindari dari melakukan perkara atau perbuatan yang menjijikkan umpamanya mengeluarkan bunyi yang kuat atau nyaring jika hendak mengeluarkan sesuatu daripada hidung atau mulut semasa hadirin sedang menikmati makanan, seperti mengeluarkan hingus, berludah dan seumpamanya. Jika mengeluarkan sesuatu daripada mulut, hendaklah memalingkan wajahnya daripada makanan.

bersambung